

CNS3072

u GB 10-02 00138 BC349

bah

KAKITANGAN KERAJAAN PERLU BAYAR BALIK GAJI LEBIH: MAHATHIR
Mahathir - Gaji

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kakitangan awam yang menerima pembayaran gaji lebih perlu membayar balik kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata, ini perlu kerana gaji berlebihan yang diterima itu bukan hak mereka.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan bersikap adil terhadap kakitangan kerajaan yang terbabit dan pembayaran balik itu tidak membebankan mereka.

Dr Mahathir mengulas laporan akhbar bahawa pembayaran lebih yang dibuat kepada kira-kira 25,000 kakitangan kerajaan dalam masa 10 tahun lepas akibat kesilapan pemindahan skim gaji mereka.

Beliau memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini malam ini bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang menyebabkan kesilapan itu. -- Lagi

▼10/02/23-54MST

CNS3076

U GB 11-02 00103 BC351

bah

Mahathir - Gaji 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, tidaklah adil kepada kakitangan kerajaan lain jika mereka yang menerima gaji lebih itu tidak dikehendaki membayar balik.

Katanya: +Kita bukan hendak tekan orang tetapi kita hendak jadi adil kepada semua.+

+Kalau dah ambil terlebih kita kenalah bagi balik. Ini satu daripada sifat-sifat yang mulia,+ kata Perdana menteri.

Dr Mahathir berkata kerajaan perlu bertindak demikian kerana wang yang terbabit itu ialah wang rakyat dan kerajaan hanya diamanahkan untuk menguruskannya.

+Kita diamanahkan menjaga duit rakyat. Kalau kita tidak bertanggungjawab susahlah,+ katanya. -- Lagi

▼11/02/00-05MST

CNS3077

U GB 11-02 001.03 BC352

bah

Mahathir - Gaji 3 (akhir) Kuala Lumpur

Mengenai hasrat CUEPACS untuk mengisytiharkan pertelingkahan perusahaan jika pembayaran gaji lebih itu tidak dilupus, Dr Mahathir berkata: +Itu hak mereka+.

+Hak kita hanya hendak mengambil balik duit kita,+ tambah beliau.

Setiausaha Agung CUEPACS A. H. Ponniah meminta kerajaan membuat hapuskira kerana perkara itu bukan kesilapan kakitangan berkenaan.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak mempunyai butiran lanjut mengenai perkara itu kerana hanya mengetahuinya menerusi laporan akhbar.

Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika ditanya mengenai perkara itu berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menyiasatnya. -- Bernama

▼11/02/00-12MST